

Malaysia akan terus perjuang isu Gaza

PM suarakan ketegasan usaha tamatkan konflik tanpa ketepikan kepentingan negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi daw A'qilah Riduan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia akan terus memperjuangkan isu Gaza, Palestin, khususnya dalam merintis kemajuan ke arah menamatkan konflik sambil mengutamakan kepentingan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kedua-dua elemen itu adalah penting sekiranya Malaysia ingin menyediakan sokongan yang bermakna terhadap perjuangan rakyat Palestin.

Katanya, Malaysia tidak berdiam diri dan akan terus menyuarakan ketegasannya terhadap isu Palestin di pelbagai sesi dan dialog di peringkat antarabangsa.

“Sebagai sebuah negara membangun, kita sudah melakukan

yang terbaik, namun (konflik Palestin ini) belum lagi selesai.

“Pastikan kita dapat bersuara (menyokong perjuangan Palestin) sebanyak mungkin, tetapi kita perlu betulkan negara kita, hentikan rasuah, penyalahgunaan kuasa, pastikan kita mentadbir dengan baik dan melindungi kepentingan rakyat. Itulah jawabannya,” katanya pada sesi dialog terbuka pada program Meet Anwar @IIUM berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak, semalam.

Yang hadir sama, Rektor UIAM, Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar serta Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud.

Lindungi ekonomi negara

Mengulas lanjut, Anwar menjelaskan, Malaysia juga perlu melindungi kepentingan ekonomi dan kekayaan negara, bagi membolehkan negara ini terus membantu Palestin khususnya penduduk di Semenanjung Gaza.

“Jika kita lemah, orang akan merampas kekayaan kamu, kemudian kamu ditindas dan tiada apa lagi yang boleh dilakukan.

“Kami akan terus memperjuangkan isu Gaza dan melindungi kepentingan negara kita kerana

tanpa kepentingan ekonomi dan kekayaan, kita tidak dapat membantu mereka. Sudah tentu kita boleh menyatakan sokongan dengan kuat,” katanya.

Mengenai usaha reformasi pentadbirannya, Anwar menjelaskan pembaharuan dasar bukan hanya tertumpu kepada bidang pendidikan tinggi saja, sebaliknya turut merangkumi reformasi fiskal, di samping penekanan juga terhadap pembangunan teknologi termasuk peralihan tenaga dan kecerdasan buatan (AI).

“Sebagai contoh, Parlimen kini mempunyai Akta Tanggungjawab Fiskal, yang bermaksud Menteri Kewangan menyerahkan kuasanya kepada Parlimen untuk menyemak jika mereka tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dan menjelaskan perkara itu.

“Seterusnya, kami juga memutuskan semua perolehan dilakukan secara betul dan wajar kerana ia menjadi punca utama kebocoran. Selain itu, reformasi institusi juga merangkumi perkhidmatan awam.

“Ia perlu lebih bertanggungjawab dan berpegang kepada komitmen terhadap pelaksanaan pembaharuan piawaian yang ditetapkan,” katanya.